

PUSAT PENGURUSAN PENYELIDIKAN DAN INSTRUMENTASI •
CENTRE FOR RESEARCH AND INSTRUMENTATION MANAGEMENT

Rujukan : UKM.PPI.100-1/3/2
Tarikh : 6 April 2020

PEKELILING CRIM BIL. 4/2020

**SEMUA KETUA PROJEK PENYELIDIKAN
DI BAWAH DANA UNIVERSITI PENYELIDIKAN (UP)
UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA**

YBhg.Datuk/Dato'/Datin/Prof./Tuan/Puan.

**PEMBERIAN PELANJUTAN TEMPOH SELAMA TIGA (3) BULAN BAGI PROJEK
DANA UNIVERSITI PENYELIDIKAN YANG TAMAT PADA 18 MAC 2020 HINGGA 31
DISEMBER 2020.**

Dengan hormatnya saya merujuk kepada perkara tersebut di atas.

2. Sebagaimana sedia maklum, pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) yang dibuat di bawah Akta Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit 1988 [Akta 342] dan Akta Polis 1967 [Akta 344] bagi tempoh bermula 18 Mac 2020 sehingga 31 Mac 2020 telah dilanjutkan sehingga 14 April 2020 melalui arahan terkini Kerajaan Malaysia. Semua operasi di UKM ditutup sepenuhnya mulai 18 Mac 2020 dan warga UKM melaksanakan urusan kerja di rumah (WFH). Pihak Pengurusan Universiti memahami bahawa dengan pergerakan yang terhad ini akan berlaku kesulitan dankekangan dalam pelaksanaan semua aktiviti penyelidikan dan seterusnya menjelaskan pencapaian projek.
3. Sehubungan ini, Mesyuarat Jawatankuasa Penyelidikan dan Penerbitan Khas pada 30 Mac 2020 telah bersetuju memberi pelanjutan tempoh selama tiga (3) bulan kepada semua projek di bawah Dana Universiti Penyelidikan (UP) yang tamat pada **18 Mac 2020 sehingga 31 Disember 2020**. Pemberian pelanjutan masa ini adalah atas dasar keprihatinan Universiti kepada semua ketua projek dan penyelidik (**bagi projek tamat pada Tahun 2020**) yang mengalami kekangan dan kesulitan dalam menjalankan penyelidikan sepanjang PKP dilaksanakan. Semoga pelanjutan ini memberi ruang masa yang dikirakan munasabah untuk menyelesaikan projek dengan jayanya dalam tempoh tamat baharu yang diberikan.
4. Bagi tujuan ini, pihak teknikal Sistem Maklumat Penyelidikan Universiti (SMPU) akan mengemaskini tarikh pelanjutan bagi projek-projek yang terlibat pada perkara (3) secara penjanaan SMPU. YBhg.Datuk/Dato'/Datin/Prof./tuan/puan selaku ketua projek tidak perlu lagi membuat permohonan pelanjutan projek dengan pihak Pusat Pengurusan Penyelidikan dan Instrumentasi (CRIM)/Pusat Inovasi dan Pemindahan Teknologi (INOVASI@UKM™)/ Pusat IDEA UKM.



PUSAT PENGURUSAN PENYELIDIKAN DAN INSTRUMENTASI

Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM Bangi, Selangor Darul Ehsan Malaysia
Tel.: +603-8921 4679 Faks: +603-8921 4550 E-mel: drmc@ukm.edu.my Web: <http://research.ukm.my>

5. Sekiranya projek penyelidikan dapat diselesaikan lebih awal dari tarikh pelanjutan yang diberi, YBhg.Datuk/Dato'/Datin/Prof./tuan/puan boleh membuat permohonan penamatan awal melalui SMPU dengan mengikuti langkah berikut :

- i) daftar masuk SMPU (<https://appsmu.ukm.my/smpu/index.php>)
- ii) klik profil individu
- iii) klik pengurusan projek individu
- iv) klik senarai projek
- v) pada pilihan 'TINDAKAN', klik  pada kod projek yang ingin ditamatkan
- vi) lengkapkan borang permohonan penamatan projek
- vii) klik simpan dan hantar permohonan

6. Pihak kami amat berharap semoga dengan pemberian pelanjutan masa selama tiga (3) bulan ini akan dapat membantu penyelidik untuk meneruskan perancangan yang terganggu dan dapat mencapai sasaran projek yang telah ditetapkan. Sebarang pertanyaan mengenai perkara ini, semua penyelidik boleh berhubung dengan pihak CRIM melalui emel psupp@ukm.edu.my atau adilarasib@ukm.edu.my.

Sekian, terima kasih.

Yang benar,



PROF. DR. ISMANIZAN ISMAIL

Pengarah
Pusat Pengurusan Penyelidikan dan Instrumentasi

s.k:

- YBhg. Prof. Ir. Dato' Dr. Abdul Wahab Mohammad
Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi)
- Bendahari
- Pengarah
Pusat Inovasi dan Pemindahan Teknologi (INOVASI@UKM™)
- Pengarah
Pusat IDEA UKM
- Semua Dekan/Pengarah
Fakulti/Institut/Pusat



PUSAT PENGURUSAN PENYELIDIKAN DAN INSTRUMENTASI

Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM Bangi, Selangor Darul Ehsan Malaysia
Tel.: +603-8921 4679 Faks: +603-8921 4550 E-mel: drmc@ukm.edu.my Web: <http://research.ukm.my>

